



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 12 TAHUN 2008

**PINDAAN KADAR ELAUN PEMBANTU KHAS
GRED N32/36 (TERBUKA)**

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan menaikkan kadar Elaun Pembantu Khas yang diberikan kepada Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N32/36 (Terbuka).

LATAR BELAKANG

2. Kadar Elaun Pembantu Khas adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2008.

PELAKSANAAN

3. Kadar baru Elaun Pembantu Khas yang diberikan kepada Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N32/36 (Terbuka) adalah ditetapkan seperti dalam **Jadual 1** berikut:

Jadual 1 : Kadar Baru

Bil.		Gred Jawatan Pegawai	Gred Jawatan Pembantu Tadbir Kesetiausahaan	Elaun Sebulan (RM)
a.	(i)	Jawatan-jawatan Kehakiman seperti di Lampiran A	N32/36 (Terbuka)	250.00
	(ii)	Jawatan Utama Turus I dan II serta yang setaraf		

PEMBATALAN

4. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, perenggan 5(a)i dan ii Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2008 adalah **dibatalkan**.

TARIKH KUAT KUASA

5. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Ogos 2008**.

PEMAKAIAN

6. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Ismail Adam', with a horizontal line extending from the end of the signature.

(TAN SRI ISMAIL ADAM)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

2 September 2008

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**JAWATAN-JAWATAN KEHAKIMAN YANG DIPERUNTUKKAN
PEMBANTU TADBIR (KESETIAUSAHAAN) GRED N32/36 TERBUKA**

1. Ketua Hakim Negara;
2. Presiden Mahkamah Rayuan;
3. Hakim Besar Malaya;
4. Hakim Besar Sabah dan Sarawak;
5. Hakim Mahkamah Persekutuan;
6. Hakim Mahkamah Rayuan;
7. Hakim Mahkamah Tinggi; dan
8. Pesuruhjaya Kehakiman.